

Program Food Bank Siswa diperluas ke 123 IPT tahun depan

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan memperluaskan program Food Bank Siswa ke 123 kampus institusi pengajian tinggi (IPT) seluruh negara menjelang 2020.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata Food Bank Siswa akan diteruskan ke institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), politeknik dan Institut Pendidikan Guru (IPG) dengan keutamaan kepada penuntut daripada keluarga berpendapatan rendah.

Ketika ini, katanya, Food Bank Siswa dijalankan di 11 universiti awam (UA) dan akan dilancarkan di tiga lagi UA bulan ini iaitu Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

"Program Food Bank Siswa akan diselesaikan di 20 UA sebelum dikembangkan ke institut pengajian tinggi (IPT) lain sebagai usaha menangani kos sara hidup dihadapi mahasiswa supaya mereka boleh fokus kepada pelajaran," katanya pada sidang media pelancaran pertandingan golf amal Food Bank Malaysia Masters 2019 di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Muez Abdul Aziz; Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Food Bank Malaysia (YFBM), Ab Wahab Long dan Pengerusi Persatuan Francais Malaysia (MFA), Datuk Radzali Hassan.

Pertandingan amal anjuran bersama YFBM dan MFA meletak sasaran 200 peserta dan akan berlangsung pada 20 hingga 23 September ini di Darulaman Golf & Country Club, Bandar Darulaman, Jitra, Kedah.

Saifuddin berkata, sejumlah RM1 juta kutipan disasarkan melalui pertandingan itu yang kesemuanya akan disumbangkan terus kepada penerima Food Bank Siswa.

Katanya, jumlah dana diterima melalui pertandingan itu adalah sebahagian kos bagi menampung Food Bank Siswa di 123 IPT tahun depan membabitkan dua konsep iaitu *food pantry* dan makanan yang dimasak.

Dalam perkembangan lain, beliau menafikan laporan sebuah portal mendakwa kerajaan menangguhkan pelaksanaan program skim subsidi petrol bersasar kerana kekurangan data mengenai kumpulan sasaran selain data isi rumah kumpulan berpendapatan rendah (B40).